



SOALAN-SOALAN LAZIM

MIGRASI AKAUN SIMPANAN-i QARD KEPADA AKAUN SIMPANAN-i SALAM

1. Apakah yang dimaksudkan dengan migrasi?

Maksud migrasi Akaun Simpanan-i Qard kepada Akaun Simpanan-i Salam adalah proses pertukaran dan reklasifikasi Akaun Simpanan-i Qard secara automatik kepada Akaun Simpanan-i Salam berlandaskan konsep komoditi salam.

2. Mengapa migrasi ini berlaku?

Untuk melayakkan pendeposit mendapat pulangan atas simpanan dengan pulangan bertingkat berbanding Akaun Simpanan-i Qard yang tidak membayar sebarang pulangan.

3. Apakah objektif migrasi Akaun Simpanan-i Qard kepada Akaun Simpanan-i Salam?

Untuk memudahkan akaun pendeposit boleh dikelaskan kepada Akaun Simpanan-i Salam tanpa melalui proses pembukaan akaun baharu secara manual di cawangan dan seterusnya melayakkan pendeposit menikmati pulangan yang lebih kompetitif dan menarik melalui Akaun Simpanan-i Salam berbanding Akaun Simpanan-i Qard yang tidak memberikan pulangan (hibah sifar).

4. Apakah yang akan berlaku kepada Akaun Simpanan-i Qard sedia ada?

Akaun Simpanan-i Qard sedia ada akan ditukar secara automatik menjadi Akaun Simpanan-i Salam berkuatkuasa pada **27 April 2020** atau seperti yang dimaklumkan oleh CBP.

5. Bagaimana untuk mengetahui sama ada migrasi yang dilakukan adalah berjaya?

SMS makluman akan dihantar kepada pelanggan dalam masa 24 jam.

6. Kenapa perlu dilakukan secara interaksi melalui SMS?

Kerana wujud kekangan bagi pendeposit untuk bergerak dan datang ke cawangan bagi tujuan pembukaan Akaun Simpanan-i Salam di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

7. Adakah migrasi ini melibatkan perubahan nombor akaun simpanan?

Tidak, nombor akaun pelanggan akan kekal sama dan tiada perubahan.

8. Apakah konsep Syariah yang terlibat?

Konsep Syariah yang terlibat ialah:

a. Akad Wakalah

Pendeposit melantik CBP sebagai wakil untuk melaksanakan semua urusan berkaitan transaksi komoditi Salam dan melakukan pemeteraian siri-siri akad Bai' Salam diantara CBP dengan pendeposit dari masa ke semasa.

b. Komoditi Salam

Konsep Komoditi Salam ialah suatu konsep urusan komiditi berteraskan kontrak Bai' Salam atau kontrak Bai' Salaf atau al-Bai' Mawsufah Fi Zimmah. Kontrak ini merupakan suatu kontrak urusan jual beli yang mana dilakukan atas kualiti dan kuantiti komiditi yang yang ditentukan dan dipersetujui bersama untuk diserahkan terima pada masa hadapan. Dalam Bai' Salam, bayaran harga salam (ra'su al-mal salam) dilakukan pada waktu akad dan/atau sepanjang masa sebelum tempoh matang.

9. Adakah jumlah baki semasa saya akan terjejas?

Baki semasa anda kekal dan tidak akan terjejas.

10. Adakah terdapat sebarang caj yang dikenakan?

Tiada caj yang terlibat dikenakan kepada pelanggan untuk proses migrasi ini.

11. Bilakah kali pertama pulangan Akaun Simpanan-i Salam akan dibayar?

Tarikh 'cut-off' salam ialah pada 30 Jun 2020 dan pulangan pertama akan dibayar pada 7 hari selepas tarikh tersebut pada bulan Julai 2020 selepas urusan komiditi salam sempurna.

12. Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan ketika hadir ke cawangan?

Pelanggan boleh hadir pada bila-bila masa ke cawangan dan menurunkan tandatangan pada *dokumen terma dan syarat Akaun Simpanan-i Salam beserta perakuan dan persetujuan akad salam dan akad wakalah* sebagai "FORMALITY" pengesahan akad. Pelanggan juga hendaklah melengkapkan kad spesimen tandatangan yang baharu.

13. Apakah ciri, terma dan syarat Akaun Simpanan-i Salam?

Sila rujuk di laman sesawang <https://www.cbp.com.my/produk/deposit/simpanan-i-salam>

14. Adakah pelanggan akan diberikan Buku Simpanan Akaun-i Salam yang baharu?

Anda boleh terus menggunakan buku simpanan yang sedia ada. (tertakluk kepada Warga emas & Kanak-kanak)

15. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh pelanggan untuk proses migrasi ini?

Pelanggan tidak perlu membuat apa-apa. Di dalam situasi pelaksanaan akad bagi pembukaan Akaun Simpanan-i Salam, lafaz tawaran (ijab) akan diberikan secara atas talian iaitu melalui khidmat pesanan ringkas (*SMS*) atau emel. Lafaz penerimaan (qabul) pula ialah taqir (ittifaq sukuti) daripada pendeposit yang mana persetujuan tertakluk kepada formaliti pengesahan akad dan bantahan boleh dibuat pada bila-bila masa.

16. Apa yang akan berlaku sekiranya pelanggan tidak bersetuju?

Sekiranya ada bantahan, pelanggan yang tidak bersetuju untuk melakukan migrasi akaun secara automatik boleh menyatakan bantahan secara *SMS*, telefon, emel atau hadir di cawangan terdekat. Ia membuktikan bahawa akad ini tidak mempunyai unsur paksaan (*ikrah*) yang akan mengganggu gugat kesempurnaan akad.

17. Bagaimanakah jika pelanggan tidak menerima SMS makluman?

Makluman akan dihantar kepada pelanggan berdasarkan nombor telefon yang berdaftar dengan CBP. Oleh yang demikian, anda disarankan untuk memaklumkan kepada CBP sebarang perubahan maklumat diri untuk memastikan keberhasilan maklumat dapat disampaikan.

Anda juga boleh melayari laman web kami di **www.cbp.com.my** untuk maklumat lanjut dan merujuk kepada Soalan-soalan Lazim yang disediakan. Sila hubungi kami di 1-300-88-7650 atau menghantar e-mel secara terus di **info@cbp.com.my**